

Headline **Membentuk modal insan serba boleh**
Date **31 Oct 2009**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **28**
Article Size **1069 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **21,128**
PRValue **63,384**



MOKA 28 • UTUSAN MALAYSIA SISIPAN KHAS KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Membentuk modal insan serba boleh

KETUA Setiausaha KPT Datuk Dr. Zulkifli A.Hassan (dua dari kiri) bertukar perjanjian persefahaman bagi meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan dengan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Bhd, Datuk Abdul Wahab Abdullah (dua dari kanan) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

FAKTA Kajian Pengesahan Graduan 2008

- 52.8 peratus (73,000 graduan) bekerja
- 24.1 peratus (33,100 graduan) belum bekerja
- 23.1 peratus (31,878 graduan) melanjutkan pengajian, menunggu penempatan pekerjaan dan mengikuti program-program peningkatan kemahiran

GRADUAN sekarang bukan sahaja dikehendaki mempunyai pengetahuan akademik (*graduate skills*) tetapi perlu juga mempunyai kemahiran insaniah (*soft skills*) dan kemahiran perniagaan (*enterprise* atau *business skills*) bagi meningkatkan kompetensi mereka.

Semua kemahiran ini merupakan aset bagi kebolehpasaran graduan dan faktor penting kebolehdapatan kerja.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memberi penekanan kepada beberapa langkah bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan dengan merangka program-program seperti Latihan Industri, apprenticeship, finishing school, Bridging Gap Program dan Latihan Keusahawanan.

Program-program ini bertujuan melengkapkan siswazah dengan nilai tambah agar lebih *marketable* dan *employable* di dalam pasaran tempatan mahupun antarabangsa, sekaligus mengurangkan masalah pengangguran di kalangan graduan lepasan universiti.

Headline	Membentuk modal insan serba boleh
Date	31 Oct 2009
MediaTitle	Utusan Malaysia
Section	Dlm Negeri
Journalist	N/A
Frequency	Daily
Circ / Read	238,082 / 833,287

Language	Malay
Page No	28
Article Size	1069 cm ²
Color	Full Color
ADValue	21,128
PRValue	63,384

Antara langkah-langkah untuk mencapai objektif tersebut ialah:-

i. Kurikulum pengajian IPTA diserak dan dikemas kini dari masa ke semasa supaya ia relevan dan dapat memenuhi kehendak pasaran terutamanya bagi bidang yang mengalami perkembangan teknologi yang pesat seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Setiap kursus baru juga perlu mendapat input dari industri serta menjalankan kajian pasaran sebelum diluluskan;

ii. Memasukkan elemen keusahawanan dalam program pengajian supaya siswazah mampu bekerja sendiri dan menjadi usahawan yang mampu pula mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang lain;

iii. Melaksanakan program *internship* yang mana para pelajar akan menjalani latihan praktikal selama enam bulan dengan pihak industri bagi memberikan lebih pengalaman dan meningkatkan kemahiran;

iv. Memperkenalkan *double major* ataupun dwi pengkhususan untuk meningkatkan peluang pekerjaan kepada graduan;

v. Penerapan pembangunan sahsiah, kemahiran insaniah dan komunikasi dalam program pengajian dan aktiviti kokurikulum, termasuk penguasaan berbahasa Inggeris dan bahasa-bahasa asing yang lain;

vi. Mengadakan majlis dialog dengan pihak industri, pertubuhan profesional dan majikan setiap tahun bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan terhadap program pengajian dan graduan yang dihasilkan oleh IPTA. Perbincangan dengan pihak industri termasuk syarikat-syarikat multinasional (MNC) juga sering diadakan;

vii. Sentiasa berinteraksi dengan pihak swasta (Persatuan Majikan/Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia, SMIDEC, GLCs, Persatuan Perniagaan) untuk mengumpul maklumat-maklu-

mat berkaitan status terkini berhubung penawaran dan permintaan dalam pelbagai industri.

Selain itu, KPT juga sedang mengambil beberapa langkah tambahan bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan iaitu dengan memasukan elemen kebolehpasaran di dalam kurikulum menerusi pembaharuan sistem pembelajaran dan pengajaran di IPT; Meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui aktiviti kokurikulum; dan melibatkan majikan di dalam penambahan kurikulum.

Matlamat KPT dalam hal ini adalah untuk memastikan:

- graduan memperolehi pekerjaan yang sesuai.
- graduan boleh menjadi usahawan dan mewujudkan peluang pekerjaan
- graduan yang mempunyai kompetensi yang tinggi.
- graduan IPT berkualiti yang mempunyai nilai tambah dari segi kemahiran insaniah yang memenuhi kehendak pasaran.

Paling utama, para graduan perlu bersedia menghadapi cabaran alaf baru yang ekonomi berdasarkan inovasi (*Innovation Led Economy*) dan membina *high income nation* dalam bentuk model ekonomi baru. Untuk itu, KPT perlu menyediakan sumber intelektual yang mampu menguasai teknologi masa hadapan mengikut Rangka Kerja Program Kebolehdapatan Kerja Graduan berikut:

1. Degree++

Program Pentaulianan Profesional di mana para pelajar yang sedang belajar boleh mengikuti program ini bagi mendapatkan sijil yang diiktiraf oleh badan-badan bertauliah dan profesional dalam bidang-bidang yang berkaitan.

Program-program ini mempunyai modul yang spesifik dan memberi nilai tambah yang tinggi kepada graduan.

Sebagai contoh, program 3P Prestariang dan Program *Infosys Foundation* di mana pelajar-pelajar dari bidang IT atau yang berkaitan berpeluang untuk mengikuti program ini untuk mendapat sijil profesional daripada Cisco, Microsoft, dan lain-lain.

2. Finishing School

Headline	Membentuk modal insan serba boleh	Language	Malay
Date	31 Oct 2009	Page No	28
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	1069 cm ²
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	21,128
Frequency	Daily	PRValue	63,384
Circ / Read	238,082 / 833,287		

Program ini untuk memberi pendahaman dan persiapan awal kepada bakal graduan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan sebenar.

Antara kandungan program ini termasuklah *personal grooming*, *English proficiency*, *soft skills*, *resume writing*, *interview skills*, dan sebagainya.

3. Apprenticeship Program

Program yang melibatkan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang bakal dan baru menamatkan pengajian. Program ini memberi penekanan kepada latihan yang menjurus kepada meningkatkan kemampuan graduan untuk merebut peluang pekerjaan di industri kemahiran tinggi.

Mereka yang mengikuti program ini akan diberi latihan selama 2 hingga 6 bulan bergantung kepada jenis program yang disertai.

Selepas tamat latihan, para peserta yang mengikuti program ini akan ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat yang menyediakan latihan tersebut.

4. Bridging Gap Program

Program ini adalah untuk menyediakan latihan bagi melengkapkan pengetahuan dan kemahiran graduan mengikut keperluan majikan. Modul latihan yang disediakan adalah dinamik dan fleksibel mengikut keperluan majikan. Majikan yang terpilih adalah mereka yang mempunyai reputasi yang baik (syarikat multinasional, GLC, Public listed companies, SME yang dapat menjana ekonomi baru) serta memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Di akhir program, graduan akan ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat yang terpilih. Contoh program adalah *CareerXcell Graduate Employment* dan *Program Centre of Domain Expertise Acceleration in ICT (CODE 8)* yang dikendalikan oleh MIMOS Bhd.

CODE 8 disertai 50 siswazah bagi mempertingkatkan kemahiran dalam lapan subsektor berkaitan ICT dan menerima peruntukan sebanyak RM1.1 juta daripada KPT.

Setiap siswazah yang mengikuti Program CODE 8 selama setahun itu akan dibayar elauan kira-kira RM2,000 untuk mendalami latihan berkemahiran tinggi di dalam bidang ICT.

Pendekatan kreatif dan inovatif ini berjaya menyediakan peluang latihan terutama dalam penyelidikan dan pembangunan industri bagi melatih dan memberi tambah nilai kepada siswazah.

5. Program Latihan Keusahawanan

Program Keusahawanan ini bertujuan untuk mendedahkan graduan mengenai dunia keusahawanan dan memupuk minat mereka untuk mencari bidang perniagaan dan keusahawanan. Para graduan yang mempunyai atribut yang sesuai akan ditawarkan mengikuti program ini dengan modul-modul khas (mengikut sektor-sektor tertentu seperti pertanian, francais dan sebagainya) dan di akhir program, graduan yang terlibat mampu menjadi

usahaawan melalui bimbingan dan bantuan yang disediakan.

6. Mobiliti Pelajar

Headline	Membentuk modal insan serba boleh	Language	Malay
Date	31 Oct 2009	Page No	28
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	1069 cm ²
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	21,128
Frequency	Daily	PRValue	63,384
Circ / Read	238,082 / 833,287		

Program ini melibatkan penempahan atau pertukaran pelajar IPTA di luar negara. Tempoh program ini bergantung pada kursus yang diikuti dan ada di antaranya melibatkan pertukaran jam kredit. Program terbahagi kepada dua iaitu:

(a) *Student exchange* – Program ini melibatkan pertukaran pelajar antara IPTA dalam negara dengan IPTA di luar negara. Lazimnya program pertukaran pelajar ini akan melibatkan perpindahan jam kredit. Kos pelaksanaan program ini boleh dilaksanakan secara keraja sama di mana IPTA tempatan akan menanggung kos pelajar luar negara yang belajar di sini seperti yuran pengajian, insurans kesihatan, dan pengisian begitu juga sebaliknya, di mana IPTA luar negara akan menanggung kos pembelajaran pelajar Malaysia yang belajar di sana. Program ini terbahagi kepada 2 iaitu:

■ **Program Jangka Panjang**

Tempoh program adalah antara 1 hingga 2 semester. Contoh program jangka panjang adalah program pertukaran pelajar Universiti Malaya bersama University of Yonsei, Korea.

■ **Program Jangka Pendek**

Tempoh program adalah antara 2 minggu hingga 6 minggu (*summer break*). Contoh program jangka pendek adalah program-program bercorak *Edutourism* yang berbentuk *learning experience*.

(b) *Student Externship* - *Student Externship* adalah latihan industri para pelajar di organisasi di luar negara atau di syarikat multinasional yang beroperasi di dalam negara dalam jangka masa tempoh tertentu. Tujuan latihan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai budaya kerja di syarikat-syarikat di luar negara di samping meningkatkan daya saing mereka di peringkat global.

“KPT memperuntukkan RM1 juta kepada setiap IPTA yang mahu mulakan program latihan kemahiran dalam sektor strategik kepada para siswazah”